KALENDAR PERISTIWA
Januari – Mac 2016

14 Januari

Gabenor Dr. Zeti Akhtar Aziz telah menerima Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat yang diberikan oleh *Central Banking Awards* 2016. Jawatankuasa *Central Banking Journal* mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh beliau semasa menangani krisis kewangan Asia lewat tahun 1990-an, selain usahanya menerajui pembangunan kewangan Islam dan rangkuman kewangan di Malaysia dan antarabangsa. Semasa menerima anugerah tersebut, Gabenor Dr. Zeti berkata, "Saya berbesar hati kerana berpeluang menjadi sebahagian daripada komuniti perbankan pusat untuk memberikan hasil yang terbaik untuk negara kita masing-masing dalam persekitaran dunia yang semakin saling bergantung."

21 Januari

Bank Negara Malaysia mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.25% pada mesyuarat pertama Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) tahun ini. OPR juga dikekalkan pada mesyuarat berikutnya pada 9 Mac. Menurut MPC, pada paras OPR semasa, pendirian dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi. MPC juga mendapati bahawa risiko semakin meningkat dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global. Risiko berkenaan sedang dipantau dengan rapi untuk mengkaji implikasinya terhadap kestabilan makroekonomi dan prospek ekonomi Malaysia.

Pada hari yang sama, Bank turut mengumumkan penurunan Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) kepada 3.50% daripada 4.00%, berkuat kuasa 1 Februari 2016. Keputusan untuk mengurangkan SRR diambil bagi memastikan mudah tunai mencukupi dalam sistem kewangan domestik selain untuk menyokong pasaran kewangan domestik berfungsi dengan teratur.

26 Januari

Majlis Penasihat Syariah (Shariah Advisory Council, SAC) Bank Negara Malaysia pada mesyuaratnya yang ke-165 telah mengambil keputusan berhubung dengan isu pelaksanaan kontrak *tabarru`* (pemberian secara sukarela) dalam takaful, pemindahan hak milik aset *hibah*, pelanggaran syarat dalam kontrak *wakalah bi al-istithmar* (perwakilan untuk tujuan pelaburan) dan *wa`d* (janji) yang dikaitkan dengan perbuatan, masa atau situasi.

Kontrak *tabarru`* dalam takaful akan dilaksanakan melalui sumbangan peserta kepada dana *tabarru'* yang diuruskan oleh (dan diamanahkan kepada) pengendali takaful untuk kepentingan peserta takaful berdasarkan terma dan syarat yang dipersetujui. Bagi pemindahan aset *hibah*, keputusan yang diambil ialah hak milik aset secara efektifnya berpindah kepada penerima hibah setelah menerima aset *hibah (qabd)* sama ada secara hakiki atau konstruktif. Dalam kes pelanggaran syarat di bawah kontrak *wakalah bi al-istithmar*, keputusan yang dicapai ialah wakil hendaklah menjamin modal pelaburan dan keuntungan sebenar yang dijana sehingga tarikh pelanggaran syarat tersebut. Berkaitan dengan *wa`d* pula, janji adalah mengikat *(mulzim)* terhadap pihak yang memberikan *wa`d* sekiranya *wa`d* tersebut dikaitkan dengan sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh satu pihak (termasuk penerima *wa`d* pada masa hadapan), sesuatu masa atau tarikh, atau sesuatu situasi (yang berlaku pada masa hadapan).

31 Januari

Enakmen Akta Institusi Kewangan Pembangunan (Pindaan) 2015 (AIKP Pindaan) mula berkuat kuasa. Matlamatnya adalah untuk terus memperkukuh kapasiti dan keupayaan institusi kewangan pembangunan. Ini bagi memastikan perkhidmatan kewangan yang sewajarnya terus disediakan untuk sektor ekonomi strategik supaya berada pada kedudukan yang kukuh untuk menghadapi cabaran berikutan persekitaran operasi yang pesat berubah. AIKP Pindaan membolehkan institusi tersebut memenuhi permintaan untuk perkhidmatan kewangan yang komprehensif dan cekap sejajar dengan pelan transformasi ekonomi Malaysia dan Pelan Sektor Kewangan.

18 Februari

Bank Negara Malaysia mengumumkan ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan 4.5% pada S4 2015 (S3 2015: 4.7%), disokong terutamanya oleh permintaan sektor swasta. Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong terutamanya oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara berkembang 1.5% (S3 2015: 0.7%). Bagi tahun 2015, ekonomi Malaysia meningkat 5.0%.

23 Februari

Asia School of Business (ASB) yang ditubuhkan melalui kerjasama dengan MIT Sloan School of Management setahun yang lalu, menempa satu lagi pencapaian penting hari ini. Majlis pecah tanah bagi pembinaan kampusnya di Bukit Perdana, Kuala Lumpur telah disempurnakan. Majlis tersebut dirasmikan oleh Pengerusi Bersama Lembaga Gabenor ASB, Gabenor Dr. Zeti dan Profesor Richard Schmalensee. Gabenor Dr. Zeti menyatakan bahawa ASB ditubuhkan untuk memenuhi keperluan kritikal sektor korporat dan perniagaan di rantau Asia terhadap kemahiran berinovasi dan keusahawanan. ASB juga merupakan salah satu komitmen Bank dalam pelaburan pendidikannya. Pembinaan kampus baharu ASB dijangka siap pada tahun 2018.

27 Februari

Bank Negara Malaysia mengeluarkan duit syiling peringatan bersempena dengan Kejohanan Pingpong Berpasukan Dunia 2016. Kejohanan peringkat antarabangsa ini disertai oleh lebih 100 buah negara.

29 Februari

Semasa berucap di Majlis Makan Malam Penutup anjuran Bank for International Settlements (BIS), dengan People's Bank of China (PBoC) sebagai tuan rumah, Gabenor Dr. Zeti mengakui bahawa BIS telah menjadi global apabila separuh daripada anggotanya terdiri daripada negara sedang pesat membangun. BIS telah menyokong peranan bank pusat dengan mengetengahkan isu-isu yang relevan dan menjadi platform memperkukuh kerjasama dalam kalangan negara anggotanya.

Gabenor Dr. Zeti juga memberikan penghormatan khas kepada PBoC kerana hubungan ekonomi dan kewangannya yang erat dengan rantau Asia amnya dan dengan Malaysia khasnya. Beliau menyatakan bahawa urusan perbankan pusat tiada noktahnya dan rantau Asia perlu bersedia dari sekarang untuk menghadapi masa hadapan melalui pelbagai dasar dan pembaharuan. Sebagai kesimpulan, Gabenor Dr. Zeti berkata dengan mandat perbankan pusat ekonomi sedang pesat membangun yang lebih luas, merangkumi hubungannya dengan agensi lain dalam sektor awam, pembahagian skop tugas (boundary management) dan kebebasan adalah sangat penting.

8 Mac

Bank Negara Malaysia (BNM) bersama-sama Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) mengeluarkan Nota Panduan untuk memudahkan permohonan mendapatkan lesen Pelabur Institusi Asing yang Layak Renminbi (Renminbi Qualified Foreign Institutional Investor, RQFII) daripada Suruhanjaya Pengawalseliaan Sekuriti China (China Securities Regulatory Commission, CSRC). Nota ini menggariskan kriteria dan entiti yang layak memohon lesen RQFII serta keperluan tambahan oleh SC dan / atau BNM sebelum apa-apa permohonan diserahkan kepada CSRC.

Sebagai maklumat tambahan, pada 23 November 2015, People's Bank of China telah mengiktiraf Malaysia sebagai bidang kuasa RQFII, dengan kuota agregat sebanyak RMB50 bilion. Dengan pengiktirafan ini, institusi yang berpangkalan di Malaysia kini boleh melabur terus ke dalam pasaran modal China menggunakan dana dalam Renminbi.

11 Mac

Dalam ucaptama Gabenor Dr. Zeti pada Forum Global Wharton Kuala Lumpur 2016 yang bertemakan "Menggembleng ASEAN: Membina Masa Depan Melalui Perkongsian", beliau menyatakan bahawa untuk perkongsian kemakmuran ekonomi yang lebih luas di rantau ASEAN, model kesatuan monetari adalah tidak sesuai. Ini adalah kerana ketiadaan prasyarat dan kos ekonomi yang terlalu tinggi. Oleh itu, integrasi kewangan menjadi lebih utama. Walaupun banyak lagi yang perlu dilakukan, kemajuan penting telah dicapai sejak beberapa tahun yang lalu, terutamanya dengan pelancaran Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN. Beliau merumuskan bahawa masa depan ASEAN perlu berlandaskan tindakan secara kolektif oleh anggotanya dan usaha-usaha ini telah pun mencapai kemuncak dengan pelancaran Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). Membina perkongsian yang berkesan dan perkongsian pintar adalah penting untuk mencapai matlamat AEC, dan perlu ditegakkan dengan asas yang kukuh, iaitu Kebolehsuaian dan Tindak Balas, Kesalinglengkapan, Kepercayaan dan Tadbir Urus.

14 Mac

Bank Negara Malaysia dan Bank of Thailand mengumumkan pelaksanaan rangka kerja penyelesaian mata wang tempatan sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan penggunaan ringgit dan baht bagi penyelesaian perdagangan dua hala antara kedua-dua negara. Dengan adanya rangka kerja penyelesaian ini, akses kepada mata wang tempatan dan pengurusan risiko kadar pertukaran ekoran urus niaga perdagangan dapat dijalankan dengan lebih cekap. Perniagaan Malaysia dan Thailand akan memperoleh ringgit dan baht dengan efektif daripada bank masing-masing di negara asal mereka untuk menyelesaikan urus niaga perdagangan. Rangka kerja yang dilaksanakan ini menandakan satu peristiwa penting dalam pengukuhan kerjasama kewangan antara kedua-dua bank pusat.

Pada hari yang sama, Bank Negara Malaysia menandatangani dua Perjanjian Utama (HoA) dengan Bank of Thailand (BOT) dan Bangkok Sentral ng Pilipinas (BSP), masing-masing di bawah Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN. Kedua-dua peristiwa ini merupakan satu langkah penting ke hadapan dalam kemajuan pasaran perbankan bersepadu di ASEAN dan ke arah mengukuhkan perdagangan dan pelaburan dalam rantau. HoA menggariskan bidang berhubung dengan akses pasaran dan fleksibiliti operasi yang boleh diberikan kepada Bank ASEAN Bertauliah dalam bidang kuasa masing-masing.

Dalam perkembangan lain, dalam satu ceramah khas di Persidangan SEACEN tentang Kerjasama dan Mandat Bank Pusat, Gabenor Dr. Zeti bercakap mengenai "Pembinaan Institusi untuk Menyokong Pembangunan Ekonomi." Beliau berkata peralihan struktur yang ketara dalam landskap ekonomi

dan kewangan global menekankan lagi keperluan untuk membina institusi yang kukuh agar dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam pengurusan ekonomi yang mantap. Dalam hal ini, beliau menekankan peranan khas Bank-bank Pusat untuk memacu pertumbuhan dan pembangunan yang mampan. Beliau menyatakan tiga elemen utama yang ketara, iaitu kejelasan hasil yang hendak dicapai; proses tadbir urus yang memberikan kejelasan mengenai keputusan yang dibuat dan akauntabiliti; dan akhir sekali, memastikan integriti Bank Pusat dan kebebasannya tidak terjejas.

23 Mac

Bank Negara Malaysia melantik semula Dr. Sukudhev (Sukhdave) Singh sebagai Timbalan Gabenor untuk tempoh 3 tahun berkuat kuasa 16 April 2016 hingga 15 April 2019. Beliau akan terus bertanggungjawab bagi Sektor Monetari dan Ekonomi serta beberapa jabatan di bawah Sektor Pembangunan Organisasi Bank.

Pada hari yang sama, Bank Negara Malaysia mengeluarkan Laporan Tahunan dan Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2015.

Pada sidang akhbar itu, Gabenor Dr. Zeti berkata bahawa pada tahun 2015, pertumbuhan global menjadi sederhana dalam keadaan turun naik pasaran kewangan antarabangsa yang meningkat. Meskipun dalam persekitaran yang mencabar, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 5.0%, yang disokong oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang berterusan. Inflasi keseluruhan menurun kepada 2.1% pada tahun 2015 (2014: 3.2%) berikutan kesan bersih daripada harga tenaga dan komoditi global yang lebih rendah.

Bagi tahun 2016, landskap ekonomi dan kewangan antarabangsa dijangka kekal mencabar dan akan menjadi faktor utama yang mempengaruhi prospek ekonomi dalam negeri. Ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4.0 – 4.5% pada tahun 2016 dengan permintaan dalam negeri terus menjadi pemacu utama pertumbuhan. Inflasi diunjurkan lebih tinggi pada 2.5 – 3.5% pada tahun 2016 (2015: 2.1%). Dasar monetari akan memberikan tumpuan pada usaha memastikan keadaan monetari terus menyokong pertumbuhan dalam negeri yang mampan dengan kestabilan harga, dan mengambil kira risiko yang berubah-ubah dalam persekitaran luar dan dalam negeri.

Menyentuh mengenai kestabilan kewangan, Gabenor Dr. Zeti menyatakan bahawa turun naik pasaran kewangan kekal tinggi pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, pasaran kewangan yang mendalam dan pelabur institusi domestik yang kukuh terus menyokong keadaan pasaran yang teratur. Di samping itu, risiko kepada kestabilan kewangan domestik yang timbul daripada hutang isi rumah dan harga harta tanah terus menjadi sederhana. Beliau juga berkata, sektor kewangan yang dipandu oleh Pelan Sektor Kewangan kekal berada pada landasan pembangunannya untuk menyokong peralihan Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi dan bernilai tambah tinggi. Sementara itu, sistem pembayaran dan penyelesaian kekal berdaya tahan dan terus beroperasi dengan lancar sepanjang tahun.